

PENGAPLIKASIAN MAQASID SYARIAH SEBAGAI PARAMETER KONSEP HOTEL PATUH SYARIAH

Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor
Kolej Universiti Islam Melaka
izzuddin@kuim.edu.my

Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor
Kolej Universiti Islam Melaka
fatimahnadirah@kuim.edu.my

ABSTRAK

Maqasid Syariah merupakan tujuan baru dalam menerokai keluasan ilmu fiqh kontemporari. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab, artikel-artikel ilmiah, berkenaan dengan industri perhotelan secara umumnya, Maqasid Syariah dan konsep hotel Patuh Syariah. Daripada penelitian sumber maklumat ini, analisis kemudiannya dibuat terutamanya terhadap istilah Maqasid Syariah dan Patuh Syariah bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan istilah berkenaan. Kajian ini juga akan menilai sejauh mana Maqasid Syariah boleh diaplikasikan dalam mewujudkan hotel yang berkonsepkan patuh Syariah. Hasil dapatan kajian ini telah mendapati, secara umumnya, Maqasid Syariah boleh diaplikasikan sebagai parameter konsep hotel patuh Syariah.

Kata Kunci: Maqasid Syariah, Hotel, Patuh Syariah.

SYARIAH MAQASID APPLICATION AS A SYARIAH SHOPPING CONCEPT PARAMETER

ABSTRACT

The objective of Syariah or also known as *Maqasid al-Syariah* is the new niche as exploring the vastness of contemporary Fiqh knowledge. Qualitative method has been used in this study by collecting data from the related literature, books and scientific articles on hotel industry, the *Maqasid al-Syariah* and Syariah compliance hotel concept. Thus, from the collected data, the analysis is made particularly to the term of *Maqasid al-Syariah* and Syariah compliance in order to get the true understanding about these terms. Moreover, this study will also aid to assess the extent to which Maqasid Syariah can be applied in creating a Syariah compliance hotel concept. The study found in general that the *Maqasid Syariah* can be applied as parameter of Syariah compliance hotel concept.

Keywords: *Maqasid Syariah, Hotel, Syariah Compliance*

PENGENALAN

Islam adalah agama yang sering menggalakkan umatnya agar sentiasa melihat dunia luar dan bukan hanya melihat kepada kawasan setempat sahaja. Ekoran itulah permusafiran, pengembaraan atau pelancongan merupakan suatu aktiviti yang sangat digalakkan oleh agama Islam. Melalui pelancongan, ianya akan mendekatkan lagi manusia itu kepada penciptanya dengan melihat keindahan alam ini, serta merenung anugerah kejadian yang telah diciptakan oleh yang Maha Esa. Hal ini kita dapat lihat dengan jelas sekali ayat-ayat quran yang menyaranakan Umat Islam untuk mengembara seperti ayat 15 dalam surah al-Mulk:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۗ
وَأَلَيْهِ النُّشُورُ - 67:15

“Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajahilah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezekiNya. Dan hanya kepadaNya kamu dikembalikan.”

Begitu juga dalam surah Muhamad ayat 10 memberikan penekanan mengenai pengembaraan atau bermusafir untuk memerhatikan akan kekuasaan Allah.

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۗ
دَمَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ ۗ وَلِلْكَافِرِينَ أَمْثَالُهَا - 47:10

“Maka apakah mereka tidak pernah mengadakan perjalanan di bumi sehingga dapat memperhatikan bagaimana kesudahan orang yang sebelum mereka. Allah telah membinasakan mereka dan bagi orang kafir akan menerima nasib yang serupa.”

Dalam Surah Yusof ayat 109, Allah berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رَجَالًا نُوحِي إِلَيْهِم مِّنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ ۗ أَفَلَمْ يَسِيرُوا
فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۗ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ
لِّلَّذِينَ اتَّقَوْا ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ - 12:109

“Kami tidak mengutuskan sebelum kamu(Muhammad), melainkan orang lelaki yang kami berikan wahyu kepadanya, di antara penduduk negeri. Maka tidakkah mereka berjalan di atas muka bumi, lalu melihat bagaimana kesudahan orang sebelum mereka(yang mendustakan rasul) dan sesungguhnya negeri akhirat

adalah lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Maka tidakkah kamu memikirkannya?"

Terdapat banyak lagi ayat Al-Quran yang menggambarkan galakkan Islam supaya Umatnya mengembara bagi mengambil pengajaran dan iktibar daripada apa yang telah berlaku terhadap komuniti di sesuatu tempat.

Apabila membicarakan pengembaraan dan permusafiran ini pastinya tempat persinggahan menjadi sesuatu keperluan yang utama bagi pengembara. Namun hari ini, permusafiran menjadi mudah kerana wujudnya hotel yang pelbagai. Tambahan pula pada masa kini bidang perhotelan merupakan satu jenis perniagaan yang sangat menguntungkan. Manakala Industri perhotelan dan industri pelancongan adalah satu perkara sinonim yang tidak dapat dipisahkan. Bahkan Industri perhotelan merupakan industri yang sangat kompetitif, seiring dengan trend masyarakat dunia hari ini yang suka melancong. Malaysia juga antara negara yang sering dikunjungi oleh para pelancong. Bahkan menurut Indeks Pengembaraan Islam Global (GMTI) 2016 oleh MasterCard-CrescentRating, Malaysia telah diiktiraf sebagai destinasi utama pengembara Muslim di dunia (Utusan 2016). Berpandukan laporan tahunan Tourism Malaysia 2016, dalam buku *Landmarks of Malaysia* menyatakan bahawa seramai 26.8 juta orang pelancong telah melawat Malaysia pada tahun 2016. Bahkan pada tahun 2016, perbelanjaan per kapita lima teratas didominasi oleh pelancong dari negara timur tengah seperti Arab Saudi, Kuwait, Oman, UAE, dan Iran (Tourism Malaysia 2016). Begitu juga dijangka seramai 28 juta pelancong akan melawat Malaysia pada tahun 2018. (Tourism Malaysia 2017).

Apabila berlakunya pertambahan jumlah pelancong yang sangat tinggi ini, ianya pasti akan menyebabkan berlakunya peningkatan permintaan terhadap tempat dan bilik penginapan di hotel-hotel. Ekoran daripada keadaan ini, industri perhotelan patuh Syariah turut mendapat tempas daripada kebanjiran pelancong asing Muslim ke negara kita. Hal ini disebabkan oleh persekitaran dan fasiliti infrastruktur Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang aman dan makmur (Malaysian digest 2017). Sebagaimana yang diketahui sasaran utama hotel patuh syariah ialah pelancong Muslim, walaupun begitu pelancong *Non Muslim* juga tidak seharusnya diketepikan. Sudah tentulah wujudnya perbezaan antara cara hidup Muslim dan *Non Muslim*, namun ia bukanlah satu permasalahan utama. Bahkan perbezaan ini, tidak akan menjejaskan semangat atau keterujaan pelancong untuk melancong ke sesuatu destinasi. Hal ini kerana kebiasaannya para pelancong datang melancong ke sesebuah negara adalah untuk merasai sendiri dan menikmati keunikan suasana adat resam masyarakat tempatan. Justeru dalam hal ini, hotel patuh Syariah tidak sepatutnya hanya difokuskan untuk mendapatkan pelanggan dalam kalangan orang Islam sahaja, bahkan ia sebenarnya boleh menjadi medan untuk berdakwah kepada pelancong atau penginap *Non Muslim* berkenaan tentang keindahan agama Islam itu sendiri. Di samping ianya menjanjikan dan merencanakan penjana ekonomi yang mapan bagi sesebuah negara, ianya juga mampu menjadi platform untuk berdakwah kepada Non Muslim. Inilah antara perbezaan konsep hotel patuh Syariah dengan hotel konvensional biasa, yang hanya melebihkan soal wang dan keuntungan

semata-mata tanpa memikirkan soal sumbangan terhadap umat dan agama. Hal demikian juga mendorong pengkaji untuk melihat bagaimana pengaplikasian Maqasid Syariah dalam konsep Hotel Patuh Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Metode kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian ini adalah berasaskan analisis kandungan. Metod Pengumpulan Data Metode analisis kandungan melalui kajian kepustakaan dilakukan terhadap bahan literatur secara mendalam, seperti artikel jurnal dan prosiding, tesis, buku dan laman web yang berkaitan dengan langsung dengan perhotelan, Maqasid Syariah dan konsep hotel patuh Syariah. Data kajian ini diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder dari data berbentuk tekstual. Antaranya al- Quran dan al-Hadis. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan dilihat dari sudut kacamata perspektif Maqasid Syariah bagi memperlihatkan bahawa Maqasid Syariah boleh diaplikasikan dalam memperkasakan lagi industri perhotelan patuh Syariah.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Istilah *Maqasid Syariah* merupakan gabungan antara dua perkataan Maqasid dan Syariah. Perkataan Maqasid merupakan perkataan jama' yang berasal daripada perkataan Maqad iaitu tempat berniat.(Al-Hasan 2000). Ianya juga bermaksud tujuan, pertengahan, kehendak dan niat (Engku Rabiah 2013). Manakala Syariah pula sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Taimiyah setiap apa yang telah disyariatkan Allah daripada aqidah kepercayaan dan perbuatan (Al-Yubi 1998). *Maqasid Syariah* dari sudut gabungan istilah bermaksud objektif, tujuan, kesan, dan hasil yang berkaitan dengan perintah syarak, bebanan taklif, di mana syarak menyuruh setiap mukallaf memahami dan mencapainya (Al-Raisuni 2010). Menurut 'Allal Al-Fasy (1993) *Maqasid Syariah* ialah Tujuan daripada Syarak, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada setiap hukum hakamNya. Berdasarkan takrifan yang dikemukakan ini, *Maqasid Syariah* ialah apa yang diinginkan oleh Allah SWT kepada hambanya dalam bentuk kebaikan yang tersembunyi daripada pengamalan hukum syarak. Pengaplikasian *Maqasid Syariah* yang sebenar mestilah tidak bercanggah dengan nas-nas yang thabit daripada al-Quran dan al-Sunnah (al-Yubi 1998). Apa yang thabit daripada nas-nas syarak tidak boleh berubah disebabkan ijthad yang menggunakan *Maqasid Syariah* kerana apa yang telah thabit daripada nas-nas tersebut, itulah *Maqasid Syariah* yang sebenarnya (al-khadimi 1998). Penggunaan akal semata-mata agar bertepatan dengan kehendak nafsu dalam mentakwil maqasid sesuatu hukum syarak adalah tidak dibenarkan sama sekali kerana ianya akan merosakkan dan meruntuhkan agama itu sendiri. Hal ini berlaku apabila sesetengah pihak sanggup menghalalkan apa yang haram atas nama masalah yang kononnya disokong oleh Maqasid Syariah. Maka dalam konteks ini, mereka menghalalkan arak dan maksiat bagi menarik kedatangan pelancong asing ke tempat mereka atas nama Maqasid Syariah. (al-Qaradawi 2008) Ini merupakan satu bentuk

penyalahgunaan Maqasid Syariah dalam mengaut laba dan keuntungan dunia semata-mata tanpa pertimbangan dosa dan pahala. Maqasid Syariah bukanlah suatu cara untuk menjadikan seseorang itu berfikiran liberal dengan mengharuskan semua perkara yang telah diputuskan haram oleh nas atas alasan perkembangan dan peredaran zaman. Menurut al-Syatibi, al-Naql (nas-nas syarak) mestilah didahulukan berbanding dengan al-Aql (pandangan berdasarkan fikiran) kerana akal mestilah mengikut apa yang telah disebutkan oleh nas syarak (al-Syatibi t.t). Menurut Raihanah Al-Yanduzi (t.t) pula, al-Syatibi juga telah meletakkan prinsip asas dalam pengamalan Maqasid Syariah agar ianya tidak lari daripada konsepnya yang sebenar seperti:

1. Hukum asal dalam perkara ibadah ialah tunduk dan patuh manakala dalam perkara adat sebaliknya melihat kepada maksud dan tujuan perkara tersebut.
Ini memberi maksud dalam urusan ibadah, tidak dibenarkan sebarang pertikaian, hanya patuh melaksanakan perkara tersebut. Berbeza dengan urusan adat, muamalat, hukum boleh ditentukan melihat kepada maksud atau tujuan perkara tersebut.
2. Allah tidak membebankan taklif untuk menyusahkan manusia melainkan hukum taklif itu memberikan kebaikan kepada manusia.
Walaupun secara zahirnya, manusia menyangka mengikut logik akal mereka, apa yang ditaklifkan itu merupakan satu bentuk kesusahan, dan penderitaan, tidak sesuai dengan citarasa hawa nafsu mereka, namun ianya merupakan kebaikan dan memberikan manfaat yang besar kepada manusia.
3. Sesiapa yang cuba mencapai masalah tetapi bukan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak, maka dia akan gagal mencapai masalah yang sebenar.
Masalah bukan sahaja yang difikirkan baik pada pandangan manusia, namun lebih jauh daripada itu, masalah mestilah bersandarkan kepada wahyu dan nas-nas syarak yang muktabar.

Apa yang dapat difahami daripada prinsip ini ialah Maqasid Syariah merupakan satu cabang ilmu yang mempunyai disiplin yang tersusun dan hanya mereka yang pakar dan berkecayaan sahaja yang boleh menggarap *'illah* yang tersembunyi daripada hukum syarak tertentu.

KONSEP HOTEL PATUH SYARIAH

Islam merupakan agama yang syumul, merangkumi segenap aspek kehidupan. Islam datang untuk menjadi panduan manusia dan menyusun kehidupan agar selari dengan syariah. Bagi seorang Muslim, apa sahaja yang dilakukan dalam kehidupan ini mestilah bertepatan dengan apa yang dianjurkan oleh Syariah. Sesuai dengan perkembangan semasa dan kesedaran beragama yang tinggi dalam kalangan Umat Islam pada hari ini, istilah patuh Syariah bukanlah suatu terma yang asing lagi. Bahkan ramai dalam kalangan orang Islam memilih produk atau

perkhidmatan yang lebih dikenali sebagai mesra Muslim atau patuh Syariah terutamanya dalam industri perbankan dan kewangan Islam.

Industri perhotelan juga sepatutnya, tidak ketinggalan dalam mempopularkan konsep patuh Syariah. Istilah hotel patuh Syariah bermaksud hotel yang memberikan perkhidmatan yang selaras dengan prinsip-prinsip Syariah (Siti Fatma Binti Mansor 2015). Menurut Shofian Ahmad (2016), patuh syariah ialah satu status yang diberikan oleh pihak tertentu kepada sesebuah organisasi yang menjalankan aktiviti yang sesuai dengan hukum Islam. Ianya bukan hanya tertumpu kepada aspek zahir luaran seperti seni bina, atau corak bangunan ala Islamik yang mempunyai bentuk kubah atau replika bulan bintang. Namun apa yang lebih penting ialah ciri-ciri dalaman, dan intipati kewujudan hotel tersebut mestilah berasaskan kepada ajaran Islam yang luas. Dalam masa yang sama, ianya tidak boleh hanya menyajikan masakan yang halal bahkan konsep patuh Syariah itu lebih luas menjangkau kepada aspek-aspek yang lain. Dalam masa yang sama masih belum ada sebarang garis panduan dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan standard hotel patuh syariah di Malaysia (Zakiah Samori et.al 2014).

Kewujudan hotel patuh Syariah dapat merealisasikan konsep beribadah yang luas walaupun ketika berada di negara atau tempat orang lain. Ianya membantu para pelancong membesarkan Allah dengan tidak lupa melakukan segala arahan dan tuntutan kewajipan sebagai seorang Muslim walaupun ketika sibuk dan seronok melancong. Bahkan ianya dapat merealisasikan slogan 'mencari yang halal itu kewajipan setiap individu Muslim' walau di mana sahaja mereka berada.

Dalam masa yang sama, konsep hotel patuh Syariah sewajarnya menjadi alternatif yang terbaik kepada industri perhotelan konvensional yang sedia ada dalam tempoh masa yang terdekat, mahupun terus menjadi pengganti kerana pada hemat pengkaji konsep hotel patuh Syariah jika dilaksanakan secara sistematik, akan menjadi pemangkin kepada peningkatan kemajuan ketamadunan dan peradaban manusia sejagat. Ini adalah kerana konsep patuh Syariah, berakar umbikan kepada adab dan akhlak yang boleh menjamin pemantapan rohani dan jasmani manusia. Menurut Norsyahida Jaafar et.al (t.t) pihak pengurusan hotel patuh Syariah perlu menerapkan prinsip Islam dalam dasar, dan memiliki ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti seperti amanah (berintegriti), *Siddiq* (benar), *Tabligh* (komunikasi), dan *Fathonah* (bijaksana). Pengiktirafan yang sewajarnya diberikan kepada hotel patuh Syariah ini, akan membawa dimensi baru kepada industri perhotelan dalam dunia amnya dan Malaysia khususnya.

APLIKASI KONSEP MAQASID SYARIAH DALAM INDUSTRI PERHOTELAN

Sebagaimana yang diketahui, konsep *Maqasid Syariah* itu luas, dan pengkaji hanya memfokuskan penulisan ini kepada '*Dharuriyat Al-Khams*' sahaja iaitu *Hifz al-Din* (menjaga agama), *Hifz al-Nafs* (menjaga nyawa), *Hifz al-Aql* (menjaga akal), *Hifz al-Nasab* (menjaga keturunan), dan *Hifz al-Mal* (menjaga harta). Ini merupakan lima perkara yang disebutkan oleh kebanyakan ulama *Usul*

Fiqh (Ihsan MirAli 2009). Kelima-lima perkara ini sangat penting untuk dijaga bagi memastikan keamanan, kesejahteraan dan kebahagiaan yang berterusan dalam kehidupan dunia. Ia diperlukan dalam kehidupan dunia dan beragama manusia sehinggakan jika tidak dipelihara lima perkara ini, maka akan musnahlah kehidupan dunia, tersebabnya kefasadan, dan hilangnya nikmat abadi(al-Zuhaili 2005). Apa yang tidak boleh dinafikan, penjagaan kelima-lima perkara ini akan memberikan masalah (kebaikan), dan pengabaian terhadap kelima-lima perkara ini akan memberikan mafsadah (keburukan). Ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Ghazali dalam kitabnya *Al-Mustasfa*. Atas asas inilah, maka pengkaji yakin dan percaya bahawa, pengaplikasian konsep Maqasid Syariah atau lebih khusus lagi '*Dharuriyat Al-Khams*' akan memberikan impak yang besar terhadap kemajuan dan kelestarian industri perhotelan.

Hifz al-Din ialah melaksanakan rukun dan hukum agama dalam kehidupan. (al-Khadimi 2001). Untuk memastikan perkara ini terjaga, pertama sekali, pengusaha hotel haruslah memahami bahawa perusahaannya itu adalah satu bentuk ibadah kepada Allah, selain daripada ianya satu tuntutan fardhu kifayah kepada Umat Islam. Apabila pengusaha hotel telah memahami hakikat ini, maka mereka akan memastikan segala tuntutan syarak akan dipenuhi, dan segala larangan dan tegahan syarak akan dijauhi atas asas menjaga urusan agama mereka. Mereka akan berusaha mewujudkan suasana hotel yang memudahkan pelanggan mereka untuk menjalankan ibadah kepada Allah SWT. al-Quran dan sejadah akan disediakan, di samping adanya penanda arah kiblat dalam setiap bilik. Surau untuk solat berjemaah dalam keadaan yang luas dan selesa, dan program ihya' Ramadhan diadakan setiap tahun bagi menyemarakkan lagi pesta ibadah pada bulan Ramadhan. Pihak pengurusan hotel juga, dari semasa ke semasa perlu mengadakan program latihan dan kursus yang berbentuk keagamaan yang melibatkan semua pekerja hotel. Ini bagi memberikan kesedaran dan kefahaman kepada semua pekerja hotel akan tanggungjawab besar yang dipikul oleh mereka dalam mengekalkan suasana beragama dalam premis hotel mereka. Jika elemen pengaplikasian *Hifz al-Din* sebegini dijalankan di hotel-hotel, pengkaji percaya asas kepada pembentukan hotel patuh Syariah telah dipasak dengan kukuh oleh pihak pengurusan hotel berkenaan.

Hifz al-Nafs pula ialah memelihara hak nyawa dalam kehidupan untuk kesejahteraan, dan kemuliaan(al-Khadimi 2001) kerana itulah sebarang perbuatan yang boleh meragut nyawa sama ada pembunuhan, mendatangkan kecederaan kepada seseorang, mahupun apa sahaja yang boleh menjejaskan kesihatan seseorang individu ditegah dalam Islam. Berdasarkan kepada konsep *Hifz al-Nafs* inilah, maka hotel yang berkonsepkan patuh Syariah, akan menjadi tempat yang selamat untuk dikunjungi dan dihuni dengan sistem dan ciri keselamatan yang terbaik. Setiap sudut hotel tersebut dilengkapi dengan kamera litar tertutup(CCTV) bagi mengawasi pergerakan keluar masuk pengunjung ke hotel, dan lif hanya akan bergerak selepas pengunjung menyentuhkan kad pada '*card reader*'. Selain daripada itu juga, hotel yang dikatakan patuh Syariah itu, perlulah menjadi tempat yang bebas daripada asap rokok dan aktiviti merokok. Termasuk dalam *Hifz al-Nafs* juga ialah dari segi aspek kebersihan yang sangat

mempengaruhi jangka hayat nyawa manusia. Bilik hotel, tandas, lobi, dan semua kawasan hotel mestilah sentiasa berada keadaan yang bersih dan kemas. Kawasan memasak atau dapur hotel mestilah mendapat pengiktirafan markah atau gred A daripada pihak Jabatan Kesihatan. Daripada perspektif lain pula, *Hifz al-Nafs* juga berkaitan dengan aspek penjagaan rohani manusia yang melibatkan pembersihan dan penyucian jiwa dalaman seseorang individu. (Al-Wardi 2006).

Dalaman yang bersih akan terpancar daripada mimik muka dan pergerakan anggota tubuh badan manusia. Hal ini sangat berkait rapat dengan ciri-ciri pekerja yang memberikan perkhidmatan di hotel patuh Syariah. Maka yang dikatakan hotel patuh Syariah itu juga ialah hotel yang mempunyai pekerja yang baik hati, rajin, mesra dengan pelanggan, dan mudah tersenyum. kerana semua ini boleh dikatakan termasuk dalam pengaplikasian konsep *Hifz Al-Nafs*.

Hifz al-Aql membawa kepada mengharamkan semua perkara yang memabukkan dan juga memberikan pendidikan dan pengetahuan kepada semua (Al-Alim 1994). Jika kita membuka Al-Quran, kita akan melihat terdapat banyak ayat al-Quran yang sangat menggalakkan kita supaya berfikir. Ini secara langsung menunjukkan bahawa kedudukan akal yang sangat tinggi dalam Islam. Maka semua perkara yang memabukkan akan menghilangkan fungsi akal manusia untuk berfikir. Akal juga akan berfungsi apabila manusia dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang betul. Disebabkan inilah, Islam mengharamkan arak dan semua perkara yang memabukkan serta menuntut umatnya berilmu pengetahuan. Dengan mengambil ruh dan semangat daripada *Hifz al-Aql*, hotel yang patuh Syariah akan melaksanakan dua perkara. Pertama, hotel-hotel yang memenuhi tuntutan *Hifz al-Aql*, tidak akan sama sekali mempromosikan dan menjual arak dalam premis mereka. Bahkan sebarang tempat makan atau café tidak akan menghidangkan arak kepada semua pelanggan mereka. Upacara tari menari atau 'clubbing' yang biasanya begitu sinonim dengan pesta arak juga dilarang sama sekali. Kedua, lebih jauh daripada itu, hotel-hotel yang patuh Syariah juga sepatutnya menjadi hab ilmu segera dengan menyediakan pusat bacaan atau perpustakaan mini kepada pengunjung sama ada untuk memberikan maklumat berkaitan destinasi pelancongan setempat, ataupun maklumat umum yang lain. Ini seperti yang terdapat di Hotel Le Meridien, di mana hotel perpustakaan ini menawarkan buku-buku berkenaan budaya setempat, seni bina, dan masakan (Hanson Mak 2013). Begitu juga di Jepun, hotel Book and Bed menyediakan 1700 buku-buku yang bagus kepada para pengunjung (The guardian, 2015).

Hifz al-Nasab pula berlaku melalui jalan perkahwinan yang disahkan oleh syarak dengan diharamkan percampuran bebas lelaki perempuan dan zina (Abdul Karim Zaidan 1996). Menurut Jasser Auda (2016) terdapat ulamak semasa menggabungkan istilah *Hifz al-Nasab* dan *Hifz Al-'Arad* (menjaga maruah) dengan *Hifz Al-Karamah* (menjaga kemuliaan) / *Hifz al-Karamah Al-Bashariah* (menjaga kemuliaan kemanusiaan) sebagai satu istilah yang sama bagi menunjukkan bahawa kedua-dua perkara ini saling berkait antara satu sama lain. *Nasab* dan 'Arad menjadi lambang dan identiti kemuliaan seseorang individu atau sesebuah institusi. Maka di sini hotel yang patuh Syariah bukanlah tempat

menggalakkan berlakunya perhubungan bebas antara lelaki dan wanita sehingga menjurus kepada berlakunya penzinaan. Hotel juga sepatutnya menjadi zon tutup aurat, di mana setiap pengunjung perlulah menutup aurat dengan sempurna dan sentiasa berpakaian sopan. Kawasan mandi seperti kolam renang pula diasingkan antara kawasan lelaki dan wanita ataupun, pihak hotel memperkenalkan pakej '*private pool*' bagi memudahkan wanita terutamanya mandi dengan penuh privasi dan tenang tanpa gangguan daripada mana-mana lelaki.

Hifz Al-Mal, melibatkan beberapa perkara, seperti cara pemerolehan harta, cara membelanjakan harta, dan mengelakkan dosa yang melibatkan harta; riba, judi, dan sebarang bentuk penipuan (Al-Wardi 2006). Secara umumnya, soal sumber kewangan dan halatuju pengeluaran wang mestilah dititik beratkan oleh hotel yang patuh Syariah supaya pendapatan hotel bebas daripada sumber dan aktiviti yang haram sebagaimana dinyatakan pengkaji dalam '*Dhoruriyyat*' yang lepas. Namun, majlis penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan metodologi penyaringan Syariah bagi sekuriti tersenarai yang pendapatannya bercampur antara yang halal dan haram. Ianya dibuat melalui tanda aras aktiviti perniagaan. Sebelum ini, bagi operasi hotel dan rumah peranginan tanda arasnya ialah 20%, namun berdasarkan keputusan majlis penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 29 Disember 2017, nilai 20% ini telah digugurkan dan tertakluk kepada tanda aras 5%. Pada hemat pengkaji, berdasarkan keputusan terbaru ini, sumbangan perniagaan dan aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan atau keuntungan sebelum cukai sesebuah hotel yang ingin dikategorikan sebagai hotel yang patuh Syariah mestilah kurang daripada 5%. (Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2017). Ini bermaksud jika pendapatan hotel daripada sumber haram dan keterlibatan dengan aktiviti haram hotel kurang daripada 5% daripada jumlah keseluruhan pendapatan dan aktiviti hotel, maka hotel tersebut masih lagi diiktiraf sebagai hotel patuh Syariah. Pada hemat pengkaji juga, tanda aras 5% ini bertepatan dengan Maqasid Syariah umumnya kerana bukannya sesuatu yang mudah, dalam dunia hari ini, untuk mengelakkan atau mengubah sepenuhnya pendapatan hotel untuk patuh Syariah terutamanya bagi hotel-hotel yang telah lama wujud di negara ini. Proses pengislahan ini memerlukan masa dan usaha yang berterusan daripada pihak hotel. Apa yang penting, pihak pengurusan tertinggi hotel mempunyai komitmen dan keazaman yang tinggi ke arah perkara tersebut.

KESIMPULAN

Tidak syak lagi, Maqasid Syariah merupakan elemen penting dalam menggerakkan industri perhotelan yang patuh syariah. Satu garis panduan perlulah dikeluarkan oleh pihak yang bertanggung jawab seperti JAKIM berkenaan ciri-ciri hotel patuh syariah. JAKIM juga seharusnya mengeluarkan cop atau ikon patuh syariah dan diberikan kuasa supaya dapat memantau dan melakukan audit syariah secara berkala terhadap hotel yang berkenaan. Selain itu, sebagaimana dalam industri kewangan dan perbankan Islam, pihak pengurusan hotel juga, perlulah melantik badan penasihat syariah di peringkat pentadbiran

tertinggi, bagi mengurus, dan mengawal selia segala urusan hotel agar kesemua perjalanan hotel tersebut patuh syariah.

BIBLIOGRAFI

- Al-Alim, Yusof Hamid. (1994). *Al-Maqasid Al-'Ammah, Riyadh: Al-Dar Al-Alamiah lil Kitab Al-Islami*. Halaman 351, 366.
- Al-Fasy, 'Allal. (1993). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah wa Makarimuha, t.t: Dar Al-Gharb Al-Islami*, Halaman 7.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (t.t). *Al-Mustasfa, Riyadh: Dar Al-Maiman*. Halaman 328.
- Al-Hasan, Khalifah Babekar. (2000). *Falsafah Maqasid Al-Tasyri' fi Al-Fiqh Al-Islami, Kaherah: Maktabah Wahbah*. Halaman 6.
- Al-Khadimi, Nur Al-Din bin Mukhtar. (1998). *Al-Ijtihad Al-Maqasidi, Qatar: Wizarah Al-Awqaf wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah*. Halaman 43.
- Al-Khadimi, Nur Al-Din bin Mukhtar. (2001). *Ilmu Al-Maqasid Al-Syari'eyyah, t.t: Maktabah Al-'Abikan*. Halaman 81.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2008). *Dirasah fi Fiqh Maqasid Al-Syariah, Kaherah: Dar Al-Syuruq*. Halaman 123.
- Al-Raisuni, Ahmad. (2010). *Al-Madkhal Ila Maqasid Al-Syariah, Mansurah: Dar Al-Kalimah*. Halaman 7.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (t.t.) *Al-Muwafaqat, t.t: Dar Ibnu 'Affan*. Halaman 125.
- Al-Wardi, Jaafar Abdullah. (2006). *Al-Kuliyat Al-Khams Haqiqatuha wa Atharuha, t.t: Maktabah Al-Habib Al-Mustafa*. Halaman 55.
- Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Syariah wa Alaqatuha bi Al-Adillah Al-Syarie'yyah, Riyadh: Dar Al-Hijrah*. Halaman 30.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2005). *Usul Fiqh Al-Islami, Damsyik: Dar Al-Fikr*. Halaman 310.
- An Exploratory Study. International Halal Conference 2012. *Procedia Social and Behavioral Sciences*.
- Hanson Mak. (2013). *Hotel Architecture for the Creative Class, Ottawa: Carleton University*.
- Ihsan Mir'Ali.(2009). *Al-Maqasid Al-Ammah li Al-Syariah Al-Islamiah Baina Al-Asalah wa Al-Muasarah, Damsyik: Dar Al-Thaqafah*. Halaman 73.
- Siti Fatma Binti Mansor, Rosmawati bt Mohamad Rasit. 2015. *Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam(JEWARIS) 2015*. Halaman 5.
- Zakiah Samori, Noorsalwati Sabtu. (2012). *Developing Halal Standard for Malaysian Hotel Industry:*
<http://www.sinarharian.com.my/nasional/28-juta-pelancong-dijangka-melawat-malaysia-tahun-depan-1.748975>(diakses pada 3 Julai 2018)
- <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/lebih-26-juta-pelancong-dijangka-8232-melawat-malaysia-tahun-depan-1.544790>(diakses pada 3 Julai 2018)

- <https://www.theguardian.com/world/shortcuts/2015/nov/08/the-tokyo-hotel-where-guests-can-curl-up-with-1700-good-books>(diakses pada 5 Julai 2018)
- <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016/12/00-Shofian-Ahmad.pdf>(diakses pada 9 Julai 2018)
- <http://www.jasserauda.net/portal>(diakses pada 9 Julai 2018)
- <http://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2017-11-28/ST.118.2017%20-%20TOURISM.pdf>(diakses pada 12 Julai 2018)
- <http://stmlportal.net/stmlgogreen2016/pdf/p1050.pdf>(diakses pada 9 Julai 2018)
- www.alihyaa.ma/Article.aspx?C=5983(diakses pada 11 Julai 2018)
- http://irep.iium.edu.my/35511/1/PRODUK_PATUH_SYARIAH_DALAM_SEKTOR_PENGURUSAN_DANA_ISLAM_%26_MAQASID_SYARIAH.pdf(diakses pada 10 Julai 2018)
- https://www.sc.com.my/wp-content/.../Resolution_SAC_2017.pdf(diakses pada 11 Julai 2018)
- <http://malysiandigest.com/bahasa-malaysia/673376-malaysia-kekal-destinasi-pilihan-pelancong-muslim-dunia-arab-saudi-no-2-indonesia-no-3.html>(diakses pada 12 Julai 2018)